



BUDGET
2023



Ekonomi Singapura 2030:
**Membina
Ekonomi Yang
Rancak, Memupuk
Perusahaan**



“2023 mungkin bukan tahun yang mudah untuk perniagaan-perniagaan, dan Pemerintah tidak akan teragak-agak untuk menawarkan sokongan yang disasarkan jika diperlukan. Namun, kita tidak boleh hilang pandangan pada jangka masa depan.

Untuk mencapai visi Ekonomi Singapura 2030, kita memerlukan kerja keras, dan mungkin juga pengorbanan. Syarikat-syarikat dan pekerja-pekerja mesti sama-sama bersedia untuk menghadapi perubahan. Dalam menghadapi kos yang meningkat, sekatan sumber dan persekitaran antarabangsa yang lebih mencabar, ini adalah satu-satunya jalan yang berdaya menuju kejayaan dan pertumbuhan jangka panjang.

- Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Gan Kim Yong

DALAM



BERSAMA MENUJU KE HADAPAN: EKONOMI SINGAPURA 2030

Muka surat 3, 4 & 5



SOKONGAN JANGKA PENDEK UNTUK PERNIAGAAN

Muka surat 6 & 7



MENGUKUHKAN DAYA SAING EKONOMI

Muka surat 8 & 9



MEMBINA PERUSAHAAN

Muka surat 10 & 11



MEMBUKA SEKATAN SUMBER

Muka surat 12 & 13



MEMPERKUKUH PERKONGSIAN

Muka surat 14 & 15



PUSAT-PUSAT BANTUAN & INOVASI

Muka surat 16



BUDGET
2023

EKONOMI 2030

Bersama menuju ke hadapan




PENGILANGAN 2030

Apakah itu Pengilangan 2030? Visi kita untuk Singapura adalah untuk menjadi hab batik dan perniagaan global yang berinovasi untuk sektor pengilangan lanjutan. Kami telah melancarkan Pengilangan 2030 pada 2021 untuk meningkatkan nilai tambah pengilangan kita sehingga 50% dari 2020 hingga 2030.

Kita telah mencapai kemajuan yang ketara. Pada 2022, nilai tambah pengilangan kita telah meningkat melebihi 15% daripada 2020. Sektor pengilangan juga telah meraih sebanyak \$17 bilion dalam Pelaburan Aset Tetap, yang dijangka dapat menjana lebih daripada 4,600 pekerjaan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Kita akan mencapai ini dengan:

- Menarik pelaburan luar sempadan ke Singapura menerusi kit alat insentif kami, seperti **Sijil Perintis, Insentif Perkembangan dan Pembangunan** dan **insentif cukai Elaun Pelaburan**
- Menyokong syarikat-syarikat menarik bakat dan membina laluan kerjaya yang baik untuk warga setempat menerusi usaha-usaha seperti **Inisiatif Kerjaya Pengilangan 2030**
- Mengejar peluang baharu dalam bidang-bidang seperti bioteknologi dan robotik




Visi **Ekonomi Singapura 2030** diperkenalkan pada 2022 untuk melakar laluan menuju ekonomi yang rancak, memberi peluang-peluang menarik untuk perusahaan-perusahaan dan rakyat kita.

Berdasarkan kemajuan yang telah dicapai, kita akan mempertingkatkan program-program dan inisiatif-inisiatif kita pada tahun ini untuk membantu perniagaan-perniagaan berkembang, terutama ketika keadaan ekonomi global yang semakin mencabar dan sekatan sumber yang lebih ketat.



EKONOMI 2030



PERKHIDMATAN 2030

Apakah itu Perkhidmatan 2030?

Kita bermatlamat mengembangkan sektor-sektor perkhidmatan dengan memanfaatkan peluang pertumbuhan dalam kemampanan dan pendigitalan, dan mengutamakan Singapura sebagai hab yang rancak dan terkemuka untuk perniagaan-perniagaan, gaya hidup dan pelancongan.

Khususnya, kita bermatlamat mengembangkan nilai tambah kelompok Perkhidmatan Moden sehingga sekurang-kurangnya 50% dan mencipta lebih daripada 100,000 pekerjaan dalam tempoh dekad ini.

Kita akan mencapai ini dengan:

- Memperkuuhkan status Singapura sebagai hab firma-firma, hab aliran modal dan hab bakat sementara memanfaatkan peluang perkembangan dalam pendigitalan dan kemampanan
- ▶ Memangkinkan perkembangan perusahaan multinasional dan perusahaan setempat besar dan menjadikan Singapura sebagai pusat operasi Asia-Global mereka
- ▶ Mengutamakan kedudukan kita sebagai pintu masuk Asia Tenggara, menghubungkan Singapura dengan dunia dengan lebih rapat, termasuk meluaskan rangkaian **persetujuan Ekonomi Hijau dan Ekonomi Digital** kita
- ▶ Mengukuhkan kedudukan Singapura sebagai hab gaya hidup yang rancak, menerusi **pengalaman-pengalaman “sentuhan ringan”** di Pulau-Pulau Selatan dan diperakui sebagai **Destinasi Majlis Pelancongan Mampan Global (GSTC-D)**
- ▶ Membina tenaga kerja setempat yang kukuh, sedia-Asia dan tangkas menyesuaikan diri, sambil kekal menjadi hab bakat global yang boleh menghasilkan idea, perspektif dan menawarkan kepakaran baharu
- ▶ Melancarkan **Peta Perubahan Industri Perkhidmatan Profesional (ITM)**



PERDAGANGAN 2030

Apakah itu Perdagangan 2030?

Strategi kita adalah untuk membangunkan jumlah perdagangan, mempelbagaikan jenis aktiviti perdagangan, dan mengembangkan perdagangan dengan negara-negara lain. Ini membolehkan kita mengukuhkan kedudukan Singapura dalam rantaian bekalan global dan meningkatkan status kita sebagai hab perdagangan global.

Kita akan mencapai ini dengan:

- Menarik **Pedagang-Pedagang Global** daripada pelbagai pasaran untuk menjadikan Singapura sebagai pusat operasi mereka dan menggalakkan mereka bekerjasama dengan perusahaan-perusahaan setempat
- Memanfaatkan rangkaian **27 Persetujuan Perdagangan Bebas** kita sambil membina jaringan perdagangan baharu
- Membina daya tahan perdagangan kita dengan mempelbagaikan aliran perdagangan dan memanfaatkan peluang pertumbuhan, seperti dari **produk-produk dagangan yang berkaitan kemampanan**



PERUSAHAAN 2030

Apakah itu Perusahaan 2030?

Strategi kita adalah untuk membangunkan dan mengekalkan ekosistem yang rancak bagi perusahaan-perusahaan Singapura yang siap sedia untuk menghadapi masa depan dan mempunyai keupayaan mendalam untuk bersaing secara global.

Kita akan mencapai ini dengan:

- Menyokong dan membina syarikat-syarikat tempatan yang berkembang pesat yang boleh bersaing dengan syarikat-syarikat yang terbaik di dunia melalui **inisiatif Perusahaan Global Singapura** menerusi **program-program seperti Scale-Up X**
- Mengukuhkan **keupayaan teras perusahaan-perusahaan tempatan** dalam empat bahagian utama: kemampanan, pengantarabangsaan, pendigitalan dan inovasi



Mengapakah ia penting?

Pertumbuhan global dijangka sederhana kerana keadaan pasaran kewangan yang ketat dan harga tenaga yang kian meningkat.

Kita akan terus menyokong perniagaan-perniagaan dengan langkah jangka pendek untuk membantu mereka menghadapi cabaran ini.



AKSES KEWANGAN

- Peningkatan-peningkatan Skim Kewangan Perusahaan akan dilanjutkan sehingga Mac 2024 untuk memudahkan syarikat-syarikat mengakses kredit, termasuk:
 - ▶ Parameter kuantum pinjaman maksimum yang dipertingkatkan berjumlah \$500,000 untuk **Pinjaman Modal Kerja EFS-SME** dan \$10 juta untuk **Pinjaman EFS-Trade** untuk membantu perusahaan-perusahaan menangani kos modal kerja dan keperluan aliran tunai yang meningkat
 - ▶ Tempoh sokongan untuk projek-projek pembinaan domestik di bawah **Pinjaman Projek EFS**, supaya syarikat-syarikat pembinaan boleh terus menjalankan projek-projek sedia ada dan menjamin projek-projek yang baru
- Program **Modal EFS-Venture** dipertingkatkan, untuk merangkumi pinjaman modal urus niaga yang disokong oleh Syar Keutamaan Boleh Tukar Tebus (Redeemable Convertible Preferred Shares)



KECEKAPAN TENAGA

- **Geran Kecekapan Tenaga**, yang memberi sokongan sehingga 70% untuk melabur dalam peralatan kecekapan tenaga dan menangani harga elektrik yang meningkat, kepada perniagaan dalam sektor Perkhidmatan Makanan, Pengilangan Makanan, dan Runcit, telah dilanjutkan sehingga Mac 2024



Pemimpin penasihat insentif perniagaan Asean Ernst and Young Solutions, Encik Tan Bin Eng:

“Aliran tunai adalah nadi perusahaan kecil dan sederhana (SME), dan akses kewangan haruslah kekal tersedia untuk mereka. Skim Kewangan Perusahaan akan menggalakkan institusi kewangan untuk terus menyokong SME, dan memastikan agar SME mendapat bantuan yang mencukupi untuk mengharungi cabaran.”



Mengulas bagaimana Geran Kecekapan Tenaga boleh membantu “mengurangkan kesan kos tenaga yang meningkat” dan memperbaiki daya saing SME dalam jangka masa panjang, Presiden kelompok Schneider Elektrik untuk Singapura, Malaysia dan Brunei, Encik Kim Yoon Young berkata:

“Kini bukanlah masa untuk mengurangkan usaha kemampunan dan penyahkarbonan. Oleh itu ia amat menggalakkan apabila Belanjawan 2023 terus menyokong perniagaan-perniagaan untuk meneruskan peralihan hijau mereka.”



MENGUKUHKAN DAYA SAINGEKONOMI

MENGGALAKKAN PELABURAN

Bagi mempertingkatkan daya tarikan kita pada syarikat-syarikat dan pelabur global, kita akan:

- Tokokan \$4 billion pada **Dana Produktiviti Nasional** dan meluaskan skop dana untuk menyokong promosi pelaburan
- Insentif cukai **Elaun Pelaburan (IA)**, **Insentif Sijil Perintis (PC)** dan **Insentif Pengembangan dan Pembangunan (DEI)** telah dilanjutkan selama lima tahun hingga Disember 2028

Mengapakah ia penting?

Kita perlu menjamin keupayaan Singapura untuk terus kekal sebagai hab perniagaan di peringkat serantau dan antarabangsa di tengah-tengah persaingan yang semakin sengit. Kita terus mengalukan pelabur dan syarikat-syarikat global untuk menambat keupayaan dan aktiviti nilai tinggi di sini, dan membina ekosistem tempatan kita.

Pada masa yang sama, Singapura mesti mengubah ekonomi kita demi mencapai komitmen iklim kita dan supaya kekal relevan dan bersaing di masa depan rendah karbon.



MEMPERKUKUH KEUPAYAAN KEMAMPANAN PERNIAGAAN

Kita akan menyokong perniagaan-perniagaan dalam perjalanan penyahkarbonan mereka dan merebut peluang hijau melalui langkah-langkah seperti:

- Sokongan dipertingkatkan sehingga 70% untuk projek-projek berkaitan dengan kemampunan di bawah **Geran Pembangunan Perusahaan (EDG)** sehingga Mac 2026
- Buku-buku panduan kemampunan sektor dan bertema baharu di bawah **Program Kemampunan Perusahaan** menerangkan konsep-konsep utama dan menggariskan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil untuk menjadi lebih mampan
- **Laman web sehenti** untuk SME yang lebih memudahkanakses pada maklumat dan sumber-sumber
- Huraihan digital, kursus-kursus dan program rakan kongsi yang membantu SME melaksanakan pengurusan karbon, termasuk sokongan dana untuk SME untuk mengambil dan mengamalkan penyelesaian pra-skop pengurusan karbon digital menerusi **Geran Meningkatkan Daya Penghasilan (PSG)**
- Bengkel-bengkel dan buku panduan untuk menyokong SME dalam **laporan kemampunan**



MEMPEROLEH PELUANG PERTUMBUHAN HIJAU

Kita juga akan terus memperoleh peluang ekonomi dalam sektor-sektor hijau yang baru berkembang dan membantu perniagaan-perniagaan memanfaatkan kemampunan sebagai kelebihan daya saing, melalui:

- **Inisiatif Kawal Selia Ekonomi Hijau (GERI)** -Platform sehenti untuk perniagaan-perniagaan yang mempunyai penyelesaian kemampunan inovatif tetapi sedang menghadapi cabaran kawal selia. Cadangan yang diserahkan kepada GERI akan dinilai di bawah garis masa yang dipercepatkan, dan uji kajian boleh dijalankan di "sandbox" kawal selia dengan lebih cepat



MEMBEKALKAN PEKERJA- PEKERJA DENGAN KEMAHIRAN HIJAU

Kita akan bantu membekalkan pekerja-pekerja dengan kemahiran untuk pekerjaan yang baharu atau yang diubah dalam ekonomi hijau melalui:

- Penubuhan **Jawatankuasa Kemahiran Hijau** bersama SkillsFuture Singapore, untuk membina program-program latihan dan kemahiran yang diperlukan untuk ekonomi hijau
- Mengenal pasti pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan dalam **sektor tenaga** serta bagi **jaminan dan laporan kemampunan** sebagai permulaan, dan membina program dan rangka kerja latihan untuk pekerjaan-pekerjaan ini



Rakan kongsi pengurusan KPMG Encik Ong Pang Thye:

"Tokokan \$4 billion ke Dana Produktiviti Nasional Singapura dan pengembangan skop yang kini merangkumi promosi pelaburan, akan membantu mengekalkan ekosistem perniagaan yang menarik kepada pelaburan asing. Ini juga akan mencipta peluang-peluang baharu untuk rakyat Singapura."

MEMBANGUNKAN PERUSAHAAN

BUDGET
2023

SAHAWAN



Mengapakah ia penting?

Dalam keadaan ekonomi global yang semakin lembap pada jangka pendek, kita akan menghadapi pelbagai halangan. Peralihan struktural dalam persekitaran operasi kita sedang dijalankan, dan ini akan mencipta peluang dan cabaran untuk Singapura dalam masa yang sama.

Kita akan tetap komited untuk menyokong syarikat-syarikat dalam perjalanan transformasi demi memperoleh peluang-peluang baharu, menyesuaikan dengan realiti baharu, supaya dapat berkembang maju dalam jangka panjang.



MEGGALAKKAN TRANSFORMASI

Kita akan menyokong perniagaan-perniagaan dalam usaha pengantarabangsaan, pendigitalan, dan inovasi melalui:

- Lanjutan had geran **Bantuan Kesediaan Pasaran (MRA)** yang dipertingkatkan sebanyak \$100,000 selama dua tahun sehingga Mac 2025
- Meningkatkan **Potongan Cukai Berganda bagi Pengantarabangsaan (DTDi)** untuk menyokong penggunaan wadah e-dagang perusahaan-perusahaan
- Memperkenalkan **Skim Inovasi Perusahaan (EIS)**, yang menawarkan potongan cukai bagi aktiviti-aktiviti inovasi dan R&D
- Meningkatkan **Program Zamil Perusahaan dan Inovasi (IFP)**
- Menokok \$150 juta kepada **Dana Pelaburan Bersama SME** untuk melabur dalam SME yang berpotensi
- Menawarkan sokongan yang bersesuaian demi memperkembangkan pangkalan **Perusahaan-Perusahaan Global Singapura**, termasuk menerusi program **Scale-Up X** baru



MERANCAKKAN ESTET KEJIRANAN

Sebahagian daripada inisiatif Kejiranan Kita 2025 adalah untuk mewujudkan kawasan inovasi dan keusahawanan untuk merancakkan semula estet kejiranan kita. Kita akan melakukan demikian dengan:

- Pelancaran program **Transformasi dan Inovasi Kejiranan**, yang akan menyediakan kursus-kursus latihan yang bersesuaian dan memupuk ekosistem kondusif untuk perusahaan-perusahaan yang bercita tinggi untuk menguji kaji idea-idea perniagaan dan membina keupayaan dan skala
- Melancarkan **Kejiranan Go Digital 3.0**, untuk mendalami keupayaan tenaga kerja dan digital kedai-kedai kejiranan



Presiden Persatuan Perusahaan-perusahaan Kecil dan Sederhana (ASME) Encik Kurt Wee:

“Syarikat-syarikat kita perlu memberi lebih tumpuan pada inovasi dan penggunaan teknologi supaya menjadi lebih cekap – dan (Skim Inovasi Perusahaan) adalah isyarat yang jelas yang menggalakkan mereka untuk mara ke hadapan. “Ini akan membuat mereka lebih produktif, menjadi perusahaan yang lebih cekap dan bersaing dalam jangka panjang.”



Pemimpin insentif inovasi dan pelaburan global Deloitte Singapura Cik Yvaine Gan:

“(Skim Inovasi Perusahaan) berpotensi menggalakkan perniagaan-perniagaan untuk terus melabur dalam R&D tempatan, dan bagi syarikat-syarikat multinasional (skim ini menggalakkan mereka untuk) mempertimbangkan Singapura sebagai lokasi berpotensi untuk aktiviti-aktiviti R&D.”





Mengapakah ia penting?

Perniagaan-perniagaan hari ini menghadapi banyak cabaran yang berterusan, termasuk kekangan tenaga kerja dan tanah, disebabkan sumber dan tanah yang terhad di Singapura.

Kita juga menghadapi kekangan karbon. Di tengah-tengah dorongan yang berkembang untuk tindakan iklim global, kita harus menyahkarbonkan ekonomi, industri dan perniagaan kita sambil berusaha mencapai matlamat iklim kita, iaitu pelepasan sifar bersih menjelang 2050.



MENGEMUDI PERALIHAN TENAGA

Demi mencapai masa hadapan yang lebih mampan, kita akan melindungi keselamatan tenaga kita dan mempercepatkan peralihan kepada sumber-sumber tenaga rendah karbon dengan:

- Mempelbagaikan dan menyahkarbonkan bekalan tenaga kita dengan membangunkan sumber bekalan tenaga baharu, melalui **grid kuasa serantau** untuk mengakses sumber-sumber tenaga bersih, melaksanakan **Strategi Hidrogen Nasional** dan mempercepatkan **usaha-usaha penggunaan solar**
- Mengukuhkan **struktur pasaran tenaga** kita untuk memastikan pasaran terus berfungsi dengan baik dalam keadaan pasaran yang bergolak
- Membina **kerjasama yang kukuh bersama rakan-rakan kongsi antarabangsa dan serantau**, dalam projek-projek G2G dan rakan kongsi pertubuhan-pertubuhan antarabangsa supaya dapat kita menjamin bekalan tenaga dan teknologi tenaga kita



MEMUPUK PEKERJA-PEKERJA KITA

Kita akan terus menyokong perniagaan-perniagaan mendalamai daya saing kemahiran tenaga kerja dan memanfaatkan alat-alat digital untuk meningkatkan tahap produktiviti melalui:

- Inisiatif-inisiatif membina bakat yang akan berterusan, seperti **Kepimpinan Perusahaan bagi Transformasi (ELT)**, **Tech@SG**, program **Eksekutif Global Singapura (SGEP)** dan program **Bakat Global**
- Melengkapkan para pekerja dengan kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan-pekerjaan yang diubah dan baharu menerusi inisiatif-inisiatif seperti **Jawatankuasa Kemahiran Hijau**
- Membina **Inisiatif Kerjaya Pengilangan 2030** untuk menarik rakyat Singapura ke sektor Pengilangan melalui pelanjutan **Geran Laluan Cepat untuk Teknisyen dan Jurutera Penolong (Pengilangan)** selama dua tahun



Ketua pejabat kemampunan, perbankan borong global, OCBC, Encik Mike Ng:

“Untuk mencapai peralihan kepada dunia yang mampan dan rendah karbon yang berkesan, usaha penghijauan seluruh ekonomi diperlukan, bukan setakat menumbuh ekonomi hijau sahaja.”



Presiden kelompok Schneider Electric untuk Singapura, Malaysia dan Brunei Encik Kim Yoon Young:

“Ekonomi hijau di Singapura tidak boleh dicapai tanpa pembangunan bakat hijau, terutamanya di dalam industri hospitaliti, yang masih berada di peringkat awal.”



MEMPERKUKUH PERKONGSIAN

Mengapakah ia penting?

Kedudukan Singapura sebagai hab perniagaan global disokong oleh hubungan perdagangan kita yang kukuh dan rangkaian perjanjian perdagangan pelbagai hala dan dua hala kita.

Kita juga bekerjasama rapat dengan rakan-rakan kongsi domestik yang sealiran, seperti Persatuan dan Dewan Perdagangan (TAC), untuk menggandakan usaha dan meluaskan jangkauan kita kepada lebih banyak perusahaan.

MENDALAMI IKATAN GLOBAL

Kita akan terus meluas dan melindungi ruang ekonomi kita dengan membina perkongsian perdagangan baharu dan memperkuuhkan perkongsian yang sudah wujud:

- Kita akan **kekal terbuka** kepada pelaburan asing, syarikat-syarikat dan bakat supaya status hab perniagaan global kita terjamin
- Menjalin **perkongsian baharu** menerusi perjanjian seperti Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF), Perjanjian Perdagangan Bebas Pacific Alliance-Singapura, dan Perjanjian Perdagangan Bebas Mercosur-Singapura (MSFTA)
- **Merintis perkongsian** untuk ekonomi digital dan hijau menerusi Perjanjian Ekonomi Digital dan Perjanjian Ekonomi Hijau



MENGUKUHKAN PERKONGSIAN TEMPATAN

Kita akan terus bekerjasama dengan TAC untuk:

- Memacu **pengantarabangsaan** kepada pasaran-pasaran utama dan membantu syarikat-syarikat Singapura berubah menerusi inisiatif-inisiatif seperti **Pusat Transformasi Digital@SGTech** untuk SME
- Mengukuhkan keupayaan kemampunan TAC menerusi usaha-usaha seperti **Perikatan Kemampunan**



BUDGET
2023

GoBusiness

Kunjungi portal GoBusiness untuk maklumat lanjut tentang sokongan sedia ada untuk perusahaan-perusahaan. Mohon geran atau guna e-Adviser untuk mengetahui kelayakan skim-skim Pemerintah dengan menjawab beberapa soalan yang mudah.



Pusat-pusat SME

Penasihat Perniagaan kita yang berpengalaman bersedia untuk menyokong anda mengembangkan perniagaan anda, dalam pelbagai urusan perniagaan seperti pengembangan luar negara, pembiayaan, produktiviti dan HR. Tempah perundingan bersemuka percuma di Pusat SME pilihan anda.



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut, atau hubungi MTI di mti_email@mti.gov.sg



Ketua Pegawai teknologi-sebagai-Perkhidmatan

Nilai tahap kesediaan digital syarikat anda dengan beberapa soalan mudah, kenal pasti jurang pendigitalan dan mencari penyelesaian digital yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan anda. Syarikat-syarikat yang layak juga boleh mendapatkan khidmat nasihat digital dan sokongan pengurusan projek daripada kumpulan perunding digital yang dikongsi.



Pusat-pusat Inovasi

Pusat-pusat Inovasi ditubuhkan dengan rakan kongsi institusi kajian dan Institut Pengajian Tinggi untuk mempertingkatkan tahap inovasi teknologi SME. Pusat-pusat ini menawarkan kemudahan, perundingan, latihan dan perkhidmatan teknikal untuk SME membina dan menguji projek-projek teknologi dalam sektor tertentu.



MTI

MINISTRY OF TRADE
AND INDUSTRY
SINGAPORE